

THE DEATH CUSTOM OF THE BAJAU COMMUNITY IN SABAH: ASSESSMENT FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE

ADAT KEMATIAN MASYARAKAT BAJAU DI SABAH: PENILAIAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Azmin Pullongⁱ & Jahidi Sailiⁱⁱ

ⁱ (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, Kampus Tawau. azminpullong@uitm.edu.my

ⁱⁱ Pensyarah, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu. jahidihsaili@uitm.edu.my

Abstract	<p><i>Customs and beliefs appear as a medium of expressing the values and identity of a cultured nation. The practice of customs and beliefs also shows the variety and pattern of rigidity and support of a society. This paper describes the practice of death customs in the Bajau community in Sabah which is evaluated through the Islamic perspective. The clash of customs and religions in the context of Bajau's death in Sabah requires a clear assessment of whether its implementation and practice is permissible or prohibited by syarak. This assessment should examine the authentic sources in Islam, especially the two main pillars of al-Quran and al-Sunnah. Assessment from the perspective of Islam is important as it is common for the practice of customs and tradisonal beliefs to be influenced by the elements of shirk, heresy or superstition. This study focuses on the customs of the death of the Bajau community in Kota Belud, Sabah. The selection of this group is based on the support and practice of its community towards the customs of Bajau's death still well maintained. The study was qualitative in the form of using interview and observation methods (observations participated) as a technique in collecting data. This study found that the practice of the custom of death in the Bajau community is still influenced by various elements that contradict Islam. However, there are practices developed on the basis of local religious and wisdom claims.</i></p> <p>Keywords: <i>Custom, Death, Beliefs, Bajau, Islamic.</i></p>
Abstrak	<p><i>Adat dan kepercayaan tampil sebagai medium mengekpresikan nilai dan identiti sesebuah bangsa berbudaya. Pengamalan adat dan kepercayaan turut memperlihatkan ragam dan corak ketegaran serta dukungan sesebuah masyarakat. Kertas kerja ini memperihalkan pengamalan adat-adat kematian dalam masyarakat Bajau di Sabah yang dinilai menerusi perspektif Islam. Pertembungan adat dan agama dalam konteks kematian Bajau di Sabah memerlukan penilaian jelas sama ada pelaksanaan dan pengamalannya dibolehkan atau ditegah oleh syarak. Penilaian ini perlu meneliti sumber-sumber yang sahih dalam Islam terutamanya dua tunjang utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Penilaian dari perspektif Islam adalah penting kerana lazimnya pengamalan adat dan kepercayaan tradisonal banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur syirik, bidaah mahupun khurafat. Kajian ini difokuskan kepada adat kematian masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah. Pemilihan kelompok ini adalah berdasarkan dukungan dan pengamalan masyarakatnya</i></p>

	<p><i>terhadap adat kematian Bajau masih dijaga secara baik. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan kaedah temu bual dan observasi (pemerhatian turut serta) sebagai teknik dalam mengumpulkan data. Kajian ini mendapati pengamalan adat kematian dalam masyarakat Bajau masih dipengaruhi oleh pelbagai unsur-unsur yang bercanggah dengan Islam. Namun terdapat amalan-amalan yang dibangunkan atas dasar tuntutan agama dan kearifan tempatan (local wisdom).</i></p> <p>Kata Kunci: <i>Adat, Kematian, Kepercayaan, Bajau, Syarak.</i></p>
--	---

PENDAHULUAN

Adat dan kepercayaan merupakan elemen penting dalam sesebuah masyarakat berbudaya. Secara konsepnya, adat dan kepercayaan merupakan produk budaya yang diamalkan dan diperturunkan dari generasi ke generasi (Azmin, 2020). Jika disorot, pengamalan adat dan kepercayaan masyarakat nusantara diwarnai oleh beberapa sistem kepercayaan yang dirintis oleh akidah animisme, Hindu dan Islam sebagai agama terkemudian diterima oleh masyarakat. Impaknya, landskap kehidupan dan pandang dunia (*world view*) masyarakat ketika itu seolah-olah dicorak dan dikawal oleh sistem kepercayaan terbabit. Di Sabah, masyarakat Bajau merupakan antara etnik terbesar yang mendiami kawasan pantai barat dan pantai timur Sabah. Masyarakat Bajau secara keseluruhannya beragama Islam dan mengamalkannya seperti masyarakat Islam yang lain. Komuniti Bajau di Kota Belud disifatkan sebagai kelompok terbesar yang menduduki pantai barat Sabah di samping beberapa daerah lain seperti Kudat, Kota Marudu, Tuaran dan Papar. Manakala di bahagian pantai timur Sabah, kelompok Bajau menduduki beberapa daerah seperti Sandakan, Lahad Datu, Kunak dan Semporna (Halina Sendera, 2013). Dalam konteks pengamalan adat, masyarakat Bajau disifatkan sebagai sebuah kelompok yang terkenal dengan kekayaan khazanah budaya dan warisan. Peranan dan pengaruh serta praktik adat masih dominan konteks kehidupan seharian mereka. Dukungan dan ketegaran pengamalan adat dalam masyarakat Bajau Kota Belud terbit daripada pengaruh golongan tradisional dan kelompok pemimpin setempat. Ia dirancarkan lagi dengan kuasa ketua anak negeri yang ditugaskan sebagai pengendali dan pakar rujuk berkaitan adat (Azmin, 2020). Situasi ini turut berlaku dalam konteks pengamalan adat-adat kematian Bajau yang masih dijaga secara baik sehingga kini. Oleh yang demikian, makalah ini tampil untuk mengenal pasti apakah bentuk-bentuk adat kematian masyarakat Bajau yang dianalisis berdasarkan sudut pandang Islam. Adakah amalan adat tersebut mempunyai sandaran atau asas dalam agama mahupun sebaliknya. Penilaian ini sangat penting sebagai panduan jelas memandangkan kelompok ini secara keseluruhannya beragama Islam.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif yang mengaplikasikan kaedah temu bual dan obvervasi (pemerhatian turut serta) dalam proses mengumpulkan data. Temu bual dijalankan secara berstruktur dan dianalisis menggunakan perisian *NVIVO*. Seramai tujuh orang informan ditemu bual yang melibatkan beberapa kelompok iaitu imam kampung, ketua kampung, ketua adat dan pegawai jabatan agama Islam. Pemilihan informan adalah berdasarkan pengetahuan, maklumat luas berkaitan adat, pengalaman, kedudukan dan pengaruh mereka dalam masyarakat. Berkaitan observasi (pemerhatian turut serta), pengkaji perlu membuat temu janji dan mendapatkan maklumat tentang tarikh dan masa sesuatu upacara adat dijalankan. Kajian lapangan ini dijalankan sekitar tahun 2016 dan 2018.

DAPATAN KAJIAN

Dirumuskan bahawa, kajian ini secara umumnya mendokumentasikan bentuk-bentuk amalan adat kematian masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah. Berdasarkan penelitian, praktik adat kematian Bajau dilestarikan berdasarkan beberapa faktor terutamanya kewujudan unsur-unsur kepercayaan di sebalik pengamalan sesebuah adat. Dalam pada itu

juga, pengaruh dan tuntutan agama turut menjadi pendorong berlakunya situasi tersebut. Namun, ia dicalari dengan pelbagai unsur kepercayaan, mitos yang diragui keabsahannya. Walaupun begitu, terdapat juga amalan adat kematian yang dibangunkan adat dasar kesedaran terhadap kearifan tempatan (*local wisdom*) yang diakui baik oleh setiap anggota masyarakat. Berdasarkan penilaian menurut perspektif Islam, pengamalan adat kematian masyarakat Bajau di Kota Belud masih dipengaruhi oleh anasir yang bercanggah dengan Islam. Terutamanya amalan yang melibatkan kepercayaan yang tidak berasas. Ia dikategorikan sebagai kepercayaan khurafat dan pengamalannya boleh mengakibatkan syirik kepada Allah SWT. Kajian ini turut mendapati perlunya pengubahsuaian beberapa adat agar ia menepati kehendak syarak.

PERBINCANGAN

Bahagian ini membincangkan dokumentasi bentuk-bentuk adat kematian masyarakat Bajau di Kota Belud, Sabah. Kemudian ia disusuli dengan penilaian dan analisis dari perspektif Islam. Penilaian difokuskan kepada autoriti sumber-sumber perundangan Islam terutamanya al-Quran dan al-Sunnah.

Bunga Jenazah

Seperti komuniti Islam yang lain, masyarakat Bajau juga menggunakan bunga-bunga dalam pengendalian jenazah. Sebelum proses penyelenggaraan dimulakan, penyediaan mayang pinang perlu disegerakan. Mayang pinang perlu dianyam sehingga membentuk untaian bunga dan diletakkan di atas keranda sebagai hiasan. Selain diletakkan pada keranda, mayang pinang juga perlu diletakkan di atas pusara seusai proses pengebumian. Berdasarkan kepercayaan masyarakat Bajau, penyediaan mayang pinang tampil sebagai medium dan simbolik penyaluran salam kasih sayang para waris kepada keluarga mereka yang telah meninggal dunia. Bunga-bunga yang dititipkan dipercayai menjadi habuan dan rebutan serta menjadi simbol mereka masih disayangi dan dirindu keluarga dan para waris (Limin, 2016).

Dari perspektif yang berbeza, penyediaan mayang pinang menyimpan makna lain. Menurut informan, mayang pinang yang ditaburkan di atas pusara adalah berbau wangi dan segar. Keesokan hari dan seterusnya, mayang pinang akan mula gugur dan bertukar warna kehitaman serta menjadi reput. Menurut kepercayaan masyarakat Bajau, jenazah di dalam kubur sama keadaannya dengan mayang pinang tersebut. Situasi ini menuntut para waris mengambil iktibar sambil memperbanyakkan doa dan sedekah bagi si mati. Dalam pada itu, penggunaan mayang pinang yang ditaburkan di atas pusara berfungsi sebagai pemudah cara dalam mengecam kubur baharu bagi mereka yang ingin melakukan ziarah dunia (Sabdani, 2017).

Pesuk

Kematian sememangnya mengundang kesedihan khususnya para waris. Ini menjadi titik permulaan perpisahan si mati dengan para warisnya. Sebagai lambang kasih sayang dan penghormatan terakhir, masyarakat Bajau mengamalkan upacara khusus yang dipanggil adat *pesuk*. Secara terperinci, *pesuk* merupakan perbuatan melintas di bawah keranda yang perlu dilakukan oleh seluruh waris si mati. Lazimnya, ia dilaksanakan di halaman rumah ketika jenazah hendak diusung ke pusara. *Pesuk* dilakukan secara berulang-ulang sama ada tiga atau tujuh kali bergantung kepada kelaziman yang dilakukan oleh pengendali adat. Menurut kepercayaan Bajau, *pesuk* dilaksanakan sebagai penghormatan terakhir dan cara mereka membuktikan kasih sayang kepada si mati. Selain itu, pelaksanaannya perlu bagi mengelakkan gangguan roh si mati terhadap para warisnya (Selig, 2016). Sakit kepala, dada dan muntah-muntah antara bahana gangguan roh (badi) yang diistilahkan sebagai '*keteguran*.' Selain *pesuk*, terdapat segelintir masyarakat Bajau yang mengamalkan nyanyian lagu berbentuk syair dan melontar gumpalan tanah serta ranting kayu ke dalam kubur sebagai isyarat penghormatan terakhir kepada si mati (Halina Sendera, 2013). Dari perspektif lain, pengamalan adat *pesuk* tampil sebagai medium pengenalan para waris si

mati. Bagi mereka, ia penting atas pelbagai urusan terutamanya yang melibatkan sumbangan dan hutang piutang si mati (Sabdani, 2017).

Berdasarkan penelitian pengkaji, pengamalan adat *pesuk* bukan sahaja dilaksanakan oleh kelompok Bajau Kota Belud sahaja, ia turut diamalkan oleh kelompok Bajau Ubian di Semporna dan Kunak, Sabah. Selain komuniti Bajau, *pesuk* turut diamalkan oleh beberapa kaum di Sabah iaitu Bisaya, Iranun dan Idahan (Saidatul Nornis, 2012). Di kepulauan Jawa, amalan ini dikenali sebagai adat *broboson*, *menyuwok* dan *ngolong*. Bentuk dan tujuan pelaksanaannya adalah sama dengan adat *pesuk* dalam masyarakat Bajau. Maknanya, pengamalan adat *pesuk* bukanlah adat eksklusif masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. Ia tampil sebagai amalan sejagat yang dikongsi bersama hasil asimilasi antara budaya di rantau nusantara.

Guris dan Perabun

Setiap insan mempunyai pelbagai cara mengekspresikan nilai kasih sayang terhadap keluarga yang telah meninggal dunia. Walaupun telah menuju alam abadi, penjagaan terhadap jasad si mati amatlah diambil perhatian oleh kelompok Bajau Kota Belud, Sabah. Penjagaan ini melibatkan pengawasan pusara menerusi medium ayat-ayat al-Quran yang diyakini mampu menutup penglihatan makhluk jahat (manusia, jin, iblis dan binatang buas) daripada mengganggu dan mengambil jenazah dari persemadian terutamanya kawasan perkuburan yang jauh daripada perhatian orang ramai. Amalan ini dikenali sebagai adat memasang *guris* dan *perabun*. Menurut informan, *guris* dan *perabun* dipercayai mampu menghindarkan pelbagai gangguan. Gangguan manusia datang dari mereka yang mengamalkan ilmu magis dengan mengambil anggota badan tertentu mahupun kain kapan jenazah (Azmin, 2020). Gangguan jin dan iblis pula datangnya menerusi serangan *mangat/balan-balan* (saka belaan) dan *kangkang laut* (jin laut yang memakan jasad manusia). Secara terperinci, *guris* merupakan lakaran garis mengelilingi pusara berbentuk segi empat tepat menggunakan ranting kayu kecil. Setiap kali melakarkan garisan perlu disertakan dengan bacaan ayat al-Quran yang diyakini fungsinya sebagai pendering.

Terdapat dua jenis *guris* yang sering kali digunakan oleh pengendali adat iaitu *guris* ayat *fadamdama* dan *guris* ayat *sembilan*. *Guris fadamdama* menggunakan ayat al-Quran surah al-Shams ayat 14 dan *guris* ayat *sembilan* pula menggunakan ayat 9 surah Yasin. Kayu kecil yang digunakan untuk melakar garis perlu ditimbus dengan tanah di atas pusara. Sebagaimana *guris*, *perabun* juga dipercayai mempunyai fungsi yang sama iaitu sebagai pendering pusara. *Perabun* yang sering kali digunakan oleh pengendali adat iaitu *perabun simpul lapan*. Pemasangan *perabun* ini amat mudah dan cepat yang hanya memerlukan potongan kain kapan yang disimpul membentuk nombor 8 sambil dibacakan dengan ayat 14 surah al-Shams dan surah Yasin ayat 9. Kain simpul lapan ini juga perlu ditimbus di atas pusara (Sabdani, 2017).

Kelambu dan Payung Jenazah

Semiotik atau ilmu tentang tanda sememangnya sinonim dengan masyarakat Bajau Kota Belud, Sabah. Ekspresi sesebuah adat terkadang terselit makna implisit yang menggambarkan nilai budaya masyarakatnya. Demikian dengan pelaksanaan memasang kelambu dan payung jenazah dalam adat kematian Bajau. Secara terperinci, kelambu diperbuat daripada kain putih bertiangkan belahan buluh yang perlu dipasang di atas pusara. Ia tampil seperti dinding kain putih berbentuk segi empat tepat. Pemasangan kelambu berbentuk dinding dikatakan boleh menghindarkan pusara daripada sebarang gangguan terutamanya anjing dan babi. Dalam pada itu, lakaran *guris* atau *perabun* serta bunga-bunga yang ditaburkan di atas pusara turut terhindar daripada sebarang gangguan. Menurut informan, selain fungsi tersebut, pemasangan kelambu menjadi tanda bahawa terdapat jenazah baharu dikebumikan dan menjadi pemudahcara bagi mereka yang ingin menziarahi pusara (Perin, 2016).

Sebagaimana kelambu, pemasangan payung jenazah juga mempunyai makna implisitnya tersendiri. Ia melibatkan stratafikasi atau status sosial seseorang dalam masyarakat Bajau. Maknanya, ekspresi fizikal payung yang digunakan adalah menceritakan tentang status sosial si mati dalam masyarakatnya. Secara terperinci, payung jenazah diperbuat daripada belahan buluh kecil yang dibentuk seperti payung bertingkat dan dibalut menggunakan kain berwarna sama ada putih, kuning dan hijau. Jumlah tingkat payung dan warna kain yang digunakan adalah isyarat status sosial si mati. Payung perlu dipacakkan di permukaan pusara iaitu di bahagian kepala dan kaki. Jumlah tingkat payung di bahagian kaki dan kepala adalah berbeza mengikut keturunan si mati. Bagi orang yang berketurunan biasa, jumlah tingkat payung lazimnya sedikit iaitu lima di bahagian kepala dan tiga di bahagian kaki. Warna kain yang digunakan adalah berwarna putih.

Bagi mereka yang berketurunan orang kebanyakan yang diistilahkan sebagai *jomo pitu* lazimnya menggunakan sembilan tingkat payung di bahagian kepala dan tujuh di bahagian kaki (Halina Sendera, 2013). Bagi mereka yang berketurunan pemimpin yang diistilahkan sebagai golongan *datu'*, lazimnya menggunakan tingkat payung yang banyak iaitu lima belas di bahagian kepala dan tiga belas di bahagian kaki. Penggunaan payung berwarna kuning dikhususkan bagi mereka yang berketurunan *sharif*. Manakala payung berwarna hijau khusus bagi mereka yang berketurunan *sheikh*. Terkadang terdapat dua warna payung (hijau dan kuning) dipacakkan pada satu pusara yang menandakan jenazah mempunyai dua keturunan yang berbeza (Azmin, 2020).

Bangkai-Bangkaian

Penyediaan *bangkai-bangkaian* menyimpan pelbagai makna dan tujuan. Secara adatnya, selepas proses pengebumian di pusara, para waris lazimnya akan menyediakan *bangkai-bangkaian* di kawasan ruang tamu rumah. Secara fizikalnya, *bangkai-bangkaian* merupakan set tempat tidur yang menyediakan tilam, bantal, pakaian-pakaian si mati semasa hayatnya. Turut disediakan beberapa naskah al-Quran, sejadah dan sebuah cermin muka. Menurut kepercayaan Bajau, roh si mati akan datang berkunjung ke rumah untuk menjenguk keluarganya. Pintu-pintu rumah dan tingkap perlu sentiasa dibuka bagi memudahkan roh bertandang (Ibin, 2016). Dengan pegangan inilah *bangkai-bangkaian* perlu disediakan bagi memberi ruang kepada roh untuk berehat dan sebagainya. Roh dikatakan berlegar-legar di kawasan rumah selama 44 hari sebelum lenyap bersama angin. Hampan *bangkai-bangkaian* juga dikatakan sebagai tanda kasih sayang para waris terhadap si mati. Roh dipercayai berasa sedih seandainya *bangkai-bangkaian* tidak disediakan.

Menurut informan, *bangkai-bangkaian* perlu dijaga sebaiknya selama tujuh hari tujuh malam. penjagaan ini perlu bagi menghindarkan pelbagai gangguan terutamanya *mangat* dan *balan-balan*. Masyarakat tradisional Bajau percaya bahawa makhluk ini mampu memberi pengaruh jahat kepada jenazah di dalam kubur seandainya ia berjaya menghampiri *bangkai-bangkaian*. Cermin muka yang diletakkan pada *bangkai-bangkaian* bertujuan menakutkan makhluk berkenaan apabila terpandang wajahnya sendiri (Limin, 2016). Hampan ini akan dibuka selepas 7, 20 atau 40 hari bergantung kepada pengendali adat. Kelengkapan *bangkai-bangkaian* perlu disedekahkan kepada ahli keluarga dan mereka yang memerlukan. Dari sudut yang lain, penyediaan *bangkai-bangkaian* tampil sebagai isyarat adanya kematian. Seandainya terdapat tetamu bertandang ke rumah, mereka akan maklum hakikat tersebut sekali gus menjaga adab-adab yang sepatutnya. Berdasarkan penelitian pengkaji, pengamalan *bangkai-bangkaian* bukanlah eksklusif bagi masyarakat Bajau Kota Belud sahaja. Ia turut diamalkan oleh beberapa masyarakat lain di Sabah antaranya suku kaum Bisaya, Idahan dan Bajau Ubian (Halina Sendera, 2013).

Menjaga Kubur

Dalam mempersembahkan nilai kecintaan para waris terhadap si mati, terdapat segelintir kelompok Bajau yang melestarikan adat menjaga kubur. Adat ini menyimpan falsafahnya yang tersendiri terutamanya berkaitan kemaslahatan jasad dan roh si mati di alam persemadian. Kelompok Bajau berketurunan *datu'* adalah kumpulan yang menjunjung adat

ini secara lestari. Pelaksanaannya bermula seusai proses pengebumian. Secara adatnya, terdapat ahli keluarga yang ditugaskan untuk membina pondok kecil sekadar untuk berteduh dari panas dan hujan. Tempoh menjaga kubur bergantung kepada kelaziman yang dibawa pengendali adat sama ada tujuh, dua puluh atau empat puluh hari. Tujuh hari pertama merupakan tempoh yang perlu diambil perhatian serius bagi menghindarkan pelbagai gangguan sama ada terhadap jasad jenazah mahupun pusara (Majin, 2016).

Kubur perlu dijaga siang dan malam dan memerlukan komitmen secara konsisten dari ahli keluarga. Sejak dahulu, tanggungjawab ini dilaksanakan secara bergilir-gilir. Namun terdapat waris yang hanya mengupah orang lain bagi tujuan tersebut. Sepertimana matlamat pelaksanaan *guris* dan *perabun*, menjaga kubur juga bertujuan menghindarkan gangguan sama ada manusia yang mengamalkan ilmu magis, serangan *mangat* dan *balan-balan* serta binatang buas. Menurut informan, gangguan ini bukanlah sekadar cerita kosong, malah ia sememangnya benar-benar berlaku. Situasi inilah yang menjadikan adat menjaga kubur terus dijaga kelangsungannya sehingga kini (Gambu, 2018).

PENILAIAN DARI PERSPEKTIF ISLAM

Berdasarkan penelitian pengkaji, pengamalan adat dan kepercayaan pastinya banyak dipengaruhi unsur-unsur tradisi lampau terutamanya animisme dan Hindu (Hanafi, 2008). Kendatipun begitu, terdapat adat-adat yang dibangunkan generasi terdahulu yang diamalkan berdasarkan nilai agama dan *local wisdom* (kearifan tempatan). Berkaitan adat-adat kematian Bajau dari perspektif Islam, penilaiannya akan dibuat berdasarkan pertimbangan sumber-sumber perundangan Islam terutamanya al-Quran dan Sunnah serta pandangan para ulama. Sebagai pengkaji adat budaya dari sudut pandang agama, semestinya perlu bersikap adil dengan meneliti hujah dan fakta masyarakat seterusnya dianalisis berdasarkan pelbagai sumber berautoriti dalam Islam.

Menerusi isu adat bunga jenazah, penelitian perlu memperhalusi asas-asas dalam agama. Adakah ia dibenarkan atau ditegah oleh syarak. Penggunaan bunga-bunga dalam konteks adat kematian masyarakat Islam bertitik tolak dari pemahaman hadis Rasulullah SAW ketika baginda memacakkan pelepah tamar di atas dua pusara yang dirakamkan dalam Sahih al-Bukhari:

{ عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ قَالَ مَرَّ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِحَائِطٍ مِنْ حِيطَانِ الْمَدِينَةِ أَوْ مَكَّةَ فَسَمِعَ صَوْتِ إِنْسَانَيْنِ يُعَدَّبانِ فِي قُبُورِهِمَا فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُعَدَّبانِ وَمَا يُعَدَّبانِ فِي كَبِيرٍ ثُمَّ قَالَ بَلَى كَانَ أَحَدُهُمَا لَا يَسْتَتِرُ مِنْ بَوْلِهِ وَكَانَ الْأَخْرُ يَمْشِي بِالنَّمِيمَةِ ثُمَّ دَعَا بِجَرِيدَةٍ فَكَسَرَهَا كِسْرَتَيْنِ فَوَضَعَ عَلَى كُلِّ قَبْرٍ مِنْهُمَا كِسْرَةً فَقِيلَ لَهُ يَا رَسُولَ اللَّهِ لِمَ فَعَلْتَ هَذَا قَالَ لَعَلَّهُ أَنْ يُحْفَفَ عَنْهُمَا مَا لَمْ تَبْسَأْ أَوْ إِلَى أَنْ يَبْسَأَ }

Maksudnya: Ibnu Abbas berkata, suatu ketika Rasulullah SAW melalui sebuah kebun di Madinah dan Mekah. Baginda terdengar suara dua penghuni kubur yang sedang disiksa. Kemudian Rasulullah SAW bersabda: "Mereka berdua sedang disiksa. Seksaan mereka bukanlah disebabkan dosa-dosa yang besar". Baginda bersabda lagi, "Sesungguhnya seorang daripada mereka disiksa kerana tidak menjaga kebersihan air kencingnya dan seorang lagi seringkali mengadu domba". Rasulullah SAW mengarahkan agar dibawakan kepadanya pelepah tamar dan kemudian Rasulullah membelahnya menjadi dua lantas meletakkannya pada setiap kubur tersebut. Para sahabat bertanya, "Wahai Rasulullah, mengapa kamu berbuat demikian?" Baginda menjawab, "Semoga dengan pelepah tamar itu akan meringankan seksa mereka selagi ia tidak kering" (Hadis. al-Bukhariyy. "Bab Min al-Kabair an La Yastatirru Min Bawlih". 209).

Menurut al-Sharbiniyy, (2006) harus hukumnya meletakkan bunga-bunga atau tumbuh-tumbuhan yang berbau harum dan segar pada pusara berdasarkan hadis tersebut. Bunga-bunga atau tumbuhan segar dan harum diqiyaskan dengan pelepah tamar sebagai medium permohonan doa dan rahmat kepada si mati selagi ia masih segar dan belum

kering. Al-Haitamiyy (t.t) turut memberi respon dengan mengatakan bahawa sunat hukumnya meletakkan pelepah tamar atau seumpamanya di atas pusara bagi menambahkan rahmat ke atas si mati. Hakikat ini disokong oleh larangan mencabut rumput-rumput segar di atas pusara. Namun jika ia terlalu banyak maka dibolehkan untuk mencabut sekadar yang perlu. Perbuatan mencabut rumput dikatakan menafikan hak si mati dari mendapatkan doa dan rahmat keampunan (Abu Bakr, 1995).

Penggunaan pelapah tamar boleh digantikan dengan bunga-bunga yang segar dan berbau harum. Hukumnya adalah harus, namun jika ia perlu dibeli dengan harga yang mahal dikhuatiri membawa kepada hukum haram kerana ada unsur-unsur pembaziran (Atiyyah Saqr, t.t). Dari sudut berbeza, pengkaji melihat satu pemikiran unik dalam pengamalan adat bunga jenazah. Masyarakat Bajau menjadikan bunga mayang pinang yang ditaburkan di atas pusara sebagai simbolik si mati di dalam kubur. Generasi tua Bajau sebenarnya ingin mengajak para waris khususnya untuk berfikir sejenak tentang si mati yang disamakan dengan mayang pinang. Pemikiran unik ini menggesa mereka agar memperbanyakkan doa dan sedekah serta perbuatan yang mampu memberi kesejahteraan kepada si mati di alam persemadian. Situasi ini menggambarkan generasi tua Bajau mengimani perkara-perkara ghaib sesuai dengan akidah Islam. Kefahaman mereka terhadap hadis Rasulullah SAW berhubung dengan perkara yang dibawa selepas kematian sangat baik seperti yang dinyatakan dalam hadis:

{ إِذَا مَاتَ الْإِنْسَانُ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثَةٍ مِنْ صَدَقَةٍ جَارِيَةٍ وَعِلْمٍ يُنْتَفَعُ بِهِ وَوَلَدٍ صَالِحٍ يَدْعُو لَهُ }

Maksudnya: Apabila seseorang meninggal dunia, maka terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang dimanfaatkan, dan doa anak-anak yang soleh (Hadis. Muslim. "Bab Ma Yalhiq al-Insanu Min al-Thawabi Ba'da Wafatihi." 1631).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa penggunaan bunga-bunga yang ditaburkan di atas pusara ada asas dan sandarannya dalam Islam. Ia diniatkan untuk mendapatkan rahmat dan keampunan daripada Allah SWT bagi si mati. Amalan ini diklasifikasikan sebagai amalan sunnah dalam Islam berdasarkan dalil-dalil yang dipaparkan. Namun, sebarang kepercayaan yang ditokok tambah dan hujah tidak logik perlu diketepikan kerana keyakinan sedemikian boleh mencemarkan kesucian akidah Islam. Pegangan dan keyakinan bahawa bunga-bunga menjadi bekalan dan buah tangan bagi mereka yang telah meninggal dunia merupakan kepercayaan khurafat yang tidak mempunyai sebarang sandaran dan asasnya dalam Islam. Bagi mendapatkan pahala sunnah, memadai dengan hanya menaburkan bunga-bunga dan mayang pinang tanpa sebarang tokok tambah. Pelaksanaan adat *pesuk* dan *bangkai-bangkaian* adalah berdasarkan kepercayaan terhadap roh si mati. Roh dikatakan mampu memberi pengaruh terhadap manusia yang masih hidup dan dipercayai masih berlegar-legar di rumah dalam tempoh masa tertentu. Persoalannya, adakah kepercayaan ini mempunyai asas dalam Islam? Perkara utama yang perlu diambil perhatian adalah, roh merupakan urusan Allah SWT.

Menurut Ibn Qayyim al-Jawziyyah (1999), keberadaan roh selepas kematian adalah di alam barzakh. Roh dan jasad akan menerima penghakiman azab kubur sesuai dengan dalil-dalil muktabar. Abd al-Rahman al-Barrak secara khusus menyatakan bahawa kepercayaan yang mengatakan roh pulang ke rumah untuk tempoh tertentu adalah khurafat semata-mata tanpa adanya sebarang asas dan dalil sahih menyokongnya. Pendapat-pendapat yang dipaparkan di atas sememangnya berdasarkan dalil-dalil nyata dan jelas. Al-Quran menjelaskan tentang hakikat roh berdasarkan potongan ayat berikut:

﴿لَعَلِّي أَعْمَلُ صَالِحًا فِيمَا تَرَكْتُ كَلَّا إِنَّهَا كَلِمَةٌ هُوَ قَائِلُهَا وَمِنْ وَرَائِهِمْ بَرْزَخٌ إِلَى يَوْمِ يُبْعَثُونَ﴾

Maksudnya: Supaya aku mengerjakan amal-amal yang soleh dalam perkara-perkara yang telah aku tinggalkan. Tidak! Masakan dapat? Sesungguhnya perkataannya itu hanyalah kata-kata yang dia sahaja yang mengatakannya, sedang di hadapan mereka ada alam barzakh

(yang mereka tinggal tetap padanya) hingga hari mereka dibangkitkan semula (pada hari kiamat). (al-Quran. al-Mukminun: 100).

Berdasarkan dalil-dalil yang dipaparkan, jelas menunjukkan bahawa terdapat dinding pemisah antara alam dunia dan alam barzakh. Ini sekaligus menjadi bukti bahawa roh tidak mungkin dapat kembali ke dunia apatah lagi memberi pengaruh kepada manusia. Dan jika difikirkan secara logik, bagaimana mungkin roh mampu kembali ke dunia sedangkan penghakiman azab kubur terus berjalan. Ia seolah-olah menafikan kewujudan dan kebenaran azab kubur yang jelas dinyatakan dalam dalil-dalil muktabar. Oleh yang demikian, pengamalan adat *pesuk* dan *bangkai-bangkaian* adalah jelas menyeleweng dari akidah Islam. Tiada sebarang dalil sahih yang meyakinkan kepercayaan ini. Kepercayaan dan pelaksanaannya dihukumkan sebagai amalan khurafat dan boleh membawa kepada salah laku syirik.

Pengamalan *guris* dan *perabun* dalam adat kematian Bajau dikatakan sebagai langkah alternatif bagi menghindarkan pelbagai gangguan jahat dari manusia, jin dan binatang menggunakan ayat-ayat al-Quran. Alat yang digunakan untuk melakarkan *guris* dan *perabun* adalah ranting kayu kecil dan kain putih bersimpul. Kedua-duanya perlu dibacakan ayat al-Quran dan ditimbus dengan tanah di atas pusara. Jelas, kedua-dua alat ini tampil sebagai pendinding kerana telah dibacakan ayat-ayat al-Quran. Isu ini perlu dikupas dalam konteks *ruqyah* atau mantera yang sinonim dengan pendinding. Amalan membaca *ruqyah* atau mantera merupakan tradisi masyarakat jahiliah. Amalan ini masih diamalkan walaupun Islam telah menjadi agama anutan. Dalam Islam, *ruqyah* atau mantera dibahagikan kepada dua iaitu *ruqyah Shariyyah* (menepati syarak) dan *ruqyah Shirkiyyah* (mengandungi syirik) (Fadhlan, 2003). Pengamalan *ruqyah* dibenarkan dalam Islam selagi ia tidak mengandungi unsur-unsur yang menyalahi syarak (Khader, 1985). Hakikat ini berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

{عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ الْأَشْجَعِيِّ قَالَ كُنَّا نَرْقِي فِي الْجَاهِلِيَّةِ فَمَلْنَا يَا رَسُولَ اللَّهِ كَيْفَ تَرَى فِي ذَلِكَ فَقَالَ
اعْرِضُوا عَلَيَّ زُفَاكُمْ لَا بَأْسَ بِالرُّقَى مَا لَمْ يَكُنْ فِيهِ شِرْكٌ }

Maksudnya: Daripada Awuf bin Ibn Malik al-Ashja'i berkata: "Seringkali kami menggunakan mantera pada zaman Jahiliah". Lalu kami bertanya kepada Rasulullah SAW: "Wahai Rasulullah, apa pendapat kamu tentang mantera?" Baginda SAW menjawab: "Tunjukkan dahulu mantera kamu, sesungguhnya mantera itu tiada masalah selagi tidak mengandungi syirik." (Hadis. Muslim. "La Ba'sa bi al-Ruqa Ma Lam Yakun fi hi al-Shirk." 4079).

Dinilai dari konteks *ruqyah* atau mantera, pengamalan *guris* dan *perabun* tidak mengandungi sebarang keraguan. Hal ini kerana, *ruqyah* atau mantera yang digunakan adalah ayat-ayat al-Quran (surah al-Shams ayat 14 dan surah Yasin ayat 9) yang diyakini kelebihannya. Oleh yang demikian, amalan *guris* dan *perabun* dalam konteks pemilihan *ruqyah* atau mantera tidak menyalahi syarak. Kendatipun begitu, ia perlu dinilai dari konteks alat (maujud secara fizikal) yang digunakan dan dibacakan padanya sesuatu mantera. Dalam konteks ini, ranting kayu kecil dan kain putih bersimpul yang dibacakan ayat al-Quran perlu dinilai berdasarkan syarak. Adakah ia dibenarkan atau sebaliknya. Kerana pengkaji melihat penggunaan kayu kecil dan kain putih bersimpul tampil seperti tangkal yang ditanam di atas pusara sebagai pendinding. Dalam isu ini, terdapat perselisihan dalam kalangan ulama. Ada yang mengharuskan dan majoritinya menolak dan menghukumkan haram. Pengharaman ini berdasarkan hadis yang secara umum (tanpa wujud hadis lain yang mengecualikan) melarang penggunaan tangkal walaupun menggunakan ayat al-Quran berdasarkan hadis berikut:

{من تعلق تميمة فلا أتم الله له ومن تعلق ودعة فلا ودع الله له وفي رواية من تعلق تميمة فقد أشرك }

Maksudnya: Barang siapa yang menggantungkan tamimah (tangkal) Allah SWT tidak akan memperkenankan permintaannya, siapa yang menggantungkan wadanah (suatu yang

diambil dari laut) sesungguhnya Allah SWT menjauhkan dirinya daripada ketenangan. Pada riwayat yang lain, sesiapa yang menggantungkan tangkal maka sesungguhnya dia telah melakukan kesyirikan (Hadis. Abi Dawud. "Bab fi Ta'liqi al-Tamaim". 3385).

Secara jelasnya, hadis ini tampil sebagai bukti yang melarang penggunaan tangkal secara total. Ia ditambah dengan ketiadaan hadis lain yang mengecualikan penggunaan tangkal menggunakan ayat al-Quran. Dalam konteks pemasangan *guris* dan *perabun*, walaupun ia tidak melibatkan proses menulis ayat al-Quran pada alat-alat yang digunakan, namun ia masih dikategorikan sebagai tangkal dengan melihat peranannya sebagai pendinding. Pada hemat pengkaji, amalan memasang *guris* dan *perabun* perlu diubah suai agar selari dengan syariat Islam. Sebagai cadangan, pemasangan *guris* dan *perabun* memadai dengan hanya membacakan ayat-ayat al-Quran pada pusara dan meninggalkan proses yang lain. Ini adalah tindakan berwaspada agar terhindar dari amalan menyalahi syarak. Oleh yang demikian, *guris* dan *perabun* dihukumkan sebagai harus (bersyarat) dan boleh diamalkan.

Adat memasang kelambu dan payung jenazah merupakan urusan penting dalam adat kematian Bajau. Pengamalannya menyimpan pelbagai tujuan dan falsafahnya tersendiri seperti yang dibicarakan sebelum ini. Melihat kepada fizikal kelambu dan payung, ia perlu dikupas dalam konteks isu binaan pada kubur dan sekitarnya sama ada berbentuk kekal mahupun sementara. Imam al-Shafie menyatakan bahawa, membina atau menulis sesuatu pada kubur adalah haram hukumnya. Hakikat ini merupakan kesepakatan majoriti ulama tanpa sebarang perselisihan (Al-Nawawi, t.t). Larangan ini adalah berdasarkan dalil yang jelas dalam hadis berikut:

{ عن جابر رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ يُجَصَّصَ الْقَبْرُ وَأَنْ يَقْعَدَ عَلَيْهِ وَأَنْ يَبْنَى عَلَيْهِ }

Maksudnya: Daripada Jabir (ra) bahawa dia berkata: Rasulullah SAW melarang untuk membina kubur dengan kapur putih, duduk di atasnya dan membuat sebarang binaan di atasnya. (Hadis. Muslim. Bab al-Nahyi 'an Tajsisi al-Qabri wa al-Bina'i Alaihi". 610).

Berdasarkan hadis di atas, jelas menunjukkan larangan membangunkan sebarang binaan di pusara. Namun yang dimaksudkan dalam hadis ini adalah binaan berbentuk kekal yang dikhuatiri akan mengakibatkan tapak perkuburan menjadi sempit. Bagaimana pula dengan binaan berbentuk sementara seperti pemasangan kelambu dan payung jenazah? Terdapat beberapa ulama memberi respon dalam hal ini. Al-Nawawiyy (t.t) menyatakan perbuatan memasang payung dan khemah di atas pusara adalah *yukrah* (dibenci) dalam agama. Al-Asqalaniyy (t.t) memberi respon bahawa amalan memasang payung dan khemah pada kubur dilarang (dibenci) dalam agama kerana tidak mempunyai sebarang tujuan yang benar. Melihat kepada tujuan pemasangan kelambu, hujah dan alasan yang diketengahkan seolah-olah tidak logik. Kelambu dikatakan berfungsi sebagai dinding atau benteng untuk mengelakkan gangguan binatang seperti anjing dan babi. Namun, jika dilihat kepada struktur binaan kelambu, ia terlalu mudah untuk diselongkar memandangkan binaannya hanya menggunakan belahan bambu kecil dan kain putih.

Berhubung dengan adat payung jenazah pula, ia tampil sebagai cara memperkenalkan status sosial si mati berdasarkan struktur payung (bilangan tingkat dan variasi warna kain). Berdasarkan penelitian, ekspresi payung jenazah mendapat pengaruh daripada adat kematian Hindu yang secara tradisinya menyanjung tinggi sistem kasta. Adat ini dikenali sebagai upacara *ngaben* dalam kalangan masyarakat Hindu di Bali, Indonesia. Tinggi atau rendahnya kasta seseorang dapat dilihat dari ekspresi menara atau *bade* yang digunakan semasa proses upacara tersebut (Ana, 2015). Oleh yang demikian, terdapat unsur-unsur *tashabbuh* (penyerupaan, persamaan dan peniruan dengan amalan orang bukan Islam) yang menjadikan adat tersebut tertolak serta merta.

Berdasarkan dalil dan hujah-hujah yang dipaparkan, jelas menunjukkan amalan memasang kelambu dan payung jenazah adalah khurafat dan menyalahi syariat Islam. Tiada sebarang asas dan sandaran dalam agama. Oleh itu, adat ini perlu ditinggalkan bagi mengelak kekeliruan dalam masyarakat serta menghindarkan terbukanya pintu-pintu kesesatan. Adat menjaga kubur merupakan adat eksklusif beberapa suku kaum di Sabah terutamanya masyarakat Bajau berketurunan *datu'*. Berdasarkan tujuan pelaksanaannya, penilaian dari sudut pandang Islam perlu bersikap adil dengan meneliti alasan dan hujah yang diketengahkan pendukungnya.

Pelaksanaannya dikatakan sebagai langkah berwaspada bagi mengelakkan gangguan terhadap pusara dan jasad si mati yang datangnya dari manusia, makhluk halus dan binatang. Hasil pengamatan pengkaji, hujah dan alasan yang diutarakan ada asasnya dengan melihat kepada situasi semasa di Sabah. Walaupun zaman telah berubah, namun kes-kes melibatkan gangguan kubur masih kedengaran terutamanya kawasan perkuburan yang jauh dari perhatian orang ramai. Hasil temu bual, memang terdapat kes-kes kubur yang diselongkar sehingga menyebabkan kubur berlubang dan helaian rambut berselerakan. Selain itu, terdapat kes kehilangan jenazah dalam kubur selepas sehari dikebumikan (Ramli, 2016). Gangguan seperti ini memang berpotensi untuk berlaku memandangkan kawasan tapak perkuburan tidak dijaga dan jauh terpencil di kawasan kebun kelapa sawit dan berhampiran laut. Pada hemat pengkaji, jika benar situasi ini berlaku, adat menjaga kubur signifikan dan relevan untuk dilaksanakan.

Dari sudut pandang agama, adat menjaga kubur wajar dilestarikan bagi menjunjung *maqasid al-shariyyah* berdasarkan dua kaedah penetapan hukum iaitu *masalih al-mursalah* dan *sad al-dhara'i*. Menerusi kaedah *masalih al-mursalah*, sesuatu tindakan atau perkara perlu dilakukan bagi menghindarkan mudarat yang lebih dahsyat menimpa (al-Ghazaliyy, t.t). Demikian dengan kaedah *sad al-dhara'i* digunakan untuk menentukan perkara atau tindakan yang membawa *maslahah* (kebaikan) adalah harus hukumnya dan begitulah sebaliknya (al-Subkiyy, 1993). Berdasarkan dua kaedah ini, sememangnya tujuan adat menjaga kubur sebagai tujuan *maslahah* agar terhindar dari sebarang gangguan yang tidak diinginkan. Cumanya, perlu kepada penjagaan adab dan tingkah laku sepanjang tempoh berkenaan. Perlu memperbanyakkan zikir dan bermuhasabah tentang kematian seperti yang disarankan dalam agama. Pengamalan adat ini dibangunkan atas dasar kearifan tempatan (*local wisdom*) yang diamalkan sejak turun temurun. Justeru, adat ini dikategorikan sebagai harus dalam Islam dan boleh diamalkan.

PENUTUP

Pengamalan adat dan kepercayaan sememangnya menjadi hak individu dan masyarakat. Namun, sebagai masyarakat beragama Islam, ajaran agama perlu menjadi prioriti dan panduan hidup dalam berbudaya. Amalan yang bercanggah pada zaman jahiliyah dapat ditinggalkan setelah Rasulullah SAW diutuskan menjadi Rasul. Realiti ini menjadi bukti bahawa tidak semestinya ketegaran dan ketaksuban terhadap sesuatu amalan tidak terurai seandainya Islam dijadikan sebagai cara hidup. Dalam konteks adat kematian masyarakat Bajau Kota Belud, pertembungan antara adat dan agama seolah-olah tiada noktahnya. Pertembungan ini memberi dampak cukup besar terhadap generasi muda dalam membezakan antara adat dan agama. Hal ini kerana, pengendali-pengendali adat lazimnya dikepalai oleh golongan agamawan yang menjadi rujukan masyarakat sekitar. Oleh yang demikian, bagi memastikan kesucian akidah Islam dan kelestarian adat terpelihara, usaha dakwah dan pendidikan secara holistik perlu digerakkan. Bagi adat yang menepati syariat Islam, amalkan dan jadikan ia sebagai lambang identiti sesebuah bangsa berbudaya.

RUJUKAN

Buku

Abu Bakr Utsman bin Muhammad Shata. 1995. *Hashiyah I'annah al-Talibin 'ala Hal Alfaz Fath al-Mu'in*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- al-'Asqalaniyy, Ibn Hajr. t.t. *Fath al-Bariyy Sharh Sahih al-Bukhariyy*. Bayrut: Dar al-Ma'rifat.
- Atiyyah Saqr. t.t. *Ahsan al-Kalam fi al-Fatawa wa al-Ahkam*. Qaherah: Maktabah al-Wahbah.
- al-Ghazaliyy, Abu Hamid. t.t. *Al-Mustashfa Min 'Ilm al-Usul*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Haytamiyy, Muhammad bin 'Aini bin Hajar. t.t. *Tuhfah al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj*. Bayrut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Qayyim al-Jawziyyah. 1999. *Kitab al-Ruh*. Yogyakarta: Pustaka Sunnah.
- al-Nawawiyy, Yahya Ibn Sharif. t.t. *Al-Majma' al-Sharh al-Muhadhdhab*. Qaherah: al-Matba'ah al-'Alamiyyah.
- al-Nawawiyy, Yahya Ibn Sharif. t.t. *Sharh Sahih Muslim*. Mawqi' al-Islami.
- Saidatul Nornis Mahali. 2007. *Unsur Bahasa dan Budaya*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Saidatul Nornis Mahali. 2012. Teks Tautan Sebagai Unsur Bahasa dalam Isun-Isun Bajau. Dlm. Saidatul Nornis Mahali dan Asmiaty Amat. *Setitik Dijadikan Laut Sekepal Dijadikan Gunung*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- al-Sharbiniyy, Shams al-Din Muhammad bin Ahmad. 2006. *Al-Mugni al-Muhtaj Ila Ma'rifat Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Qaherah: Dar al-Hadith.
- al-Subkiyy, Taj al-Din 'Abd al-Wahhab bin 'Aliyy. 1993. *Maw'id al-Ni'am wa Mubid al-Niqam*. Qaherah: Maktabah al-Khanji.

Jurnal

- Ana Agung Gd. Winarta. 2015. *Eksistensi Kasta dalam Sistem Sosial Masyarakat Hindu di Kecamatan toili Barat*. Jurnal Jurusan Pendidikan Sejarah. Universiti Negeri Gorontalo.
- Hamidah Abdul Wahab. 2013. *Petua dan Pantang Larang Tradisional dalam Alam Melayu Sarawak*. International Journal of the Malay World and Civilization (Iman) Vol. 1, No. 1, 89-97.
- Hanafi Hussin. 2008. *Diaspora Bajau Laut dan Pengekalan Serta Penerusan Amalan Tradisi di Sabah*. Borneo Research Journal Vol. 2.
- Khader Ahmad. 1985. *Satu Kajian Kaedah Rawatan Sihir di Pusat-Pusat Rawatan Islam di Malaysia*. Perspektif Jurnal Vol. 4, No. 1, 82-111.
- Sharifah Sofiah & Atiqah Syed Ibrahim. 2003. *Pengaruh Bomoh dalam Masyarakat Melayu*. PEMIKIR Vol. 33, 107-131.

Tesis

- Azmin Pullong. 2020. *Penilaian Adat dan Kepercayaan Masyarakat Bajau dari Perspektif Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaysia Sabah. Kota Kinabalu.
- Halina Sendera Mohd Yakin. 2013. *Semiotik Dalam Adat Kematian Bajau, Sabah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.
- Syamsul Azizul Marinsah. 2017. *Unsur Sinkretisme Dalam Uruf Dan Adat Masyarakat Bajau di Sabah: Analisis Dari Perspektif Hukum Islam*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Malaya. Kuala Lumpur.

Kertas Kerja

- Fadhlan Adham Hasyim. 2003. Mistik, Sihir dan Gangguan Jin Kupas Fenomena. Cara Membentengi Diri dan Terapi Secara Islami. *Kertas Kerja Dibentangkan dalam Ceramah dan Dialog Interaktif Pengurus Pimpinan Daerah Muhammadiyah Yogyakarta*. Yogyakarta. 27 Julai 2003.

Temubual

- Haji Ramli Jalali. Imam Kampung Kabog, Kunak, Sabah. 22 Disember 2016.
- Haji Ibin. Imam Kampung Siasai Kumpang, Kota Belud, Sabah. 15 April 2016.
- Haji Gambu Salleh. Imam Kampung Telaga Tujuh, Kunak, Sabah. 20 Oktober 2018.
- Tuan Limin. JKK Kampung Lingkodon, Kota Belud, Sabah 18 April 2016.

Tuan Majin. Kampung Bobot Kota Belud, Sabah. 19 April 2016.

Tuan Sabdani. Imam Kampung Lebak Engad, Kota Belud, Sabah. 5Mac 2017.

Tuan Selig. Ketua Adat Kampung Lingkodon Kota Belud, Sabah. 18 April 2016.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.